



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM NEGERI  
Tingkat 1-5, Wisma Perindustrian,  
Jalan Istiadat, Likas,  
88400 Kota Kinabalu.  
Tel.: 088-260161



Bil. JPAN: CC.111/93/6( 80 )

20 JUL 2015

**Semua Setiausaha Tetap Kementerian**  
**Semua Ketua Jabatan**  
**Semua Pihak Berkuasa Badan Berkanun Negeri**  
**Semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri**  
**Semua Pegawai Daerah**  
**Semua Penolong Pegawai Daerah, Daerah Kecil**

Y.Bhg. Datuk/Tuan/Puan,

**PERTIMBANGAN KENAIKAN PANGKAT PEMBANTU SETIAUSAHA PEJABAT  
GRED N22 KE SETIAUSAHA PEJABAT GRED N28 SECARA KHAS UNTUK  
PENYANDANG (KUP) TANPA KEKOSONGAN JAWATAN**

Dengan hormatnya, perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan Kerajaan Negeri telah bersetuju menerimapakai pelaksanaan Pertimbangan Kenaikan Pangkat Pembantu Setiausaha Pejabat Gred N22 Ke Setiausaha Pejabat Gred N28 Secara Khas Untuk Penyandang (KUP) Tanpa Kekosongan Jawatan selaras dengan Surat Edaran Jabatan Perkhidmatan Malaysia ruj. JPA.BK(S)134/2/8 Jld.3 (10) bertarikh 14 Mac 2013 dan JPA.BK(S)134/2/8 Jld.4 S.K. 1(2) bertarikh 13 Februari 2014.

...2/-



**“MEMBASMI DADAH, KEWAJIPAN KITA”**

JPAN:CC.111/93/6(79)

---

3. Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil. 4 Tahun 2011 yang berkuatkuasa pada 29 Ogos 2011 telah menjelaskan mengenai pindaan Skim Perkhidmatan Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) Gred N17, N22, N32 kepada Skim Perkhidmatan Pembantu Setiausaha Pejabat dan Setiausaha Pejabat Gred N17, N22, N27/28, N32 dan N36.

4. Melalui Pekeliling Perkhidmatan tersebut, Pembantu Setiausaha Pejabat Gred N22 diperuntukkan perbekalan kenaikan pangkat ke jawatan Setiausaha Pejabat Gred N28 **yang kosong** apabila telah memenuhi syarat seperti berikut :-

- a) Mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- b) Lulus ujian kemahiran tahap pertengahan pemprosesan perkataan, lembaran kerja dan persembahan;
- c) Melepassi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- d) Diperaku oleh Ketua Jabatan / Ketua Perkhidmatan.

5. Sehubungan itu, Pembantu Setiausaha Pejabat Gred N22 yang berada di Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan boleh dipertimbangkan kenaikan pangkat ke Setiausaha Pejabat Gred N28 secara Khas Untuk Penyandang (KUP) **tanpa kekosongan jawatan** seperti ketetapan berikut :-

- a) Pegawai telah berada di **Gred N22 sekurang-kurangnya 3 tahun** sama ada mengisi kekosongan hakiki atau Khas Untuk Penyandang (KUP);

- b) **Memenuhi semua syarat kenaikan pangkat yang ditetapkan** oleh skim perkhidmatan termasuk lulus ujian kemahiran tahap pertengahan pemprosesan perkataan, lembaran kerja dan persembahan serta syarat-syarat lain yang telah ditetapkan oleh Lembaga Kenaikan Pangkat yang berkenaan dengan menggunakan kuasa yang diperuntukkan kepadanya;
  - c) Diperaku oleh Ketua Jabatan / Ketua Perkhidmatan;
  - d) Tarikh kenaikan pangkat **tidak lebih awal** daripada **14 Mac 2013**;
  - e) Pertimbangan urusan kenaikan pangkat ini adalah secara **one-off** dan pelaksanaannya adalah sehingga **30 Jun 2014**; dan
  - f) Pertimbangan urusan kenaikan pangkat ini adalah tertakluk kepada penerimaan pakai oleh pihak berkuasa masing-masing dan Lembaga Kenaikan Pangkat yang berkenaan dengan menggunakan kuasa yang diperuntukkan kepadanya.
4. Sekiranya berlaku kekosongan jawatan Setiausaha Pejabat Gred N28, keutamaan untuk mengisi kekosongan tersebut hendaklah diberikan kepada pegawai yang dinaikkan pangkat secara Khas Untuk Penyandang (KUP) dalam urusan ini di samping merit dan faktor lain yang dipersetujui oleh jabatan berkenaan.

JPAN:CC.111/93/6(77)

---

5. Oleh kerana kenaikan pangkat ini adalah secara Khas Untuk Penyandang (KUP), Ketua Jabatan hendaklah berurusan dengan Bahagian Pembangunan Organisasi, Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri bagi mewujudkan jawatan secara Khas Untuk Penyandang (KUP).

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH”**



**( TAN SRI SUKARTI BIN WAKIMAN )**

Setiausaha Kerajaan Negeri